

06/04/2001

Syarikat perfileman tempatan dicadang bergabung

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mencadangkan supaya syarikat perfileman tempatan bergabung bagi memperkukuhkan modal untuk mengeluarkan filem yang lebih bermutu.

Perdana Menteri berkata, mereka perlu bekerjasama melalui penggabungan itu jika mahu menyegarkan kembali industri perfileman tempatan.

"Masalahnya sekarang ialah terlalu banyak syarikat perfileman tempatan dan studio menyebabkan modalnya begitu kecil dalam pasaran yang begitu terhad sekali hingga menyukarkan usaha menerbitkan filem bermutu.

"Apabila (syarikat) terlalu banyak, jadi tak cukup modal. Maka kita akan jadi syarikat yang kecil dalam industri yang memerlukan modal besar," katanya pada sesi soal jawab sempena lawatannya ke Kementerian Penerangan di Angkasapuri di sini.

Sebelum berucap dan berdialog, Dr Mahathir melancarkan filem `Embun' yang diadaptasikan daripada karya asal Rohiman Haroon berjudul `Titisan Air Mata Embun' dan akan diarah oleh Erma Fatima.

Perdana Menteri mencuit hati hadirin apabila melakukan pelancarannya bagaikan seorang pengarah filem dengan ungkapan "Action...Cut", sebelum pementasan filem itu yang diusahakan bersama antara Kementerian Penerangan, Finas dan Filem Negara.

Dr Mahathir berkata, Amerika Syarikat yang mempunyai 260 juta penduduk cuma mempunyai jumlah studio yang sedikit seperti MetroGoldwynMeyer (MGM) dan Universal Studio, berbanding sekurang-kurangnya 90 syarikat perfileman di negara ini yang hanya mempunyai 22 juta penduduk.

Katanya, jika di Amerika Syarikat, sesebuah filem diterbitkan dengan kos sekurang-kurangnya RM100 juta, bagaimana pula syarikat tempatan hendak membuat filem yang menarik dengan bermodal RM300,000.

Beliau turut menegur sikap sesetengah pemilik syarikat perfileman yang suka bermusuhan sesama sendiri dan tidak puas hati dengan kejayaan orang lain.

"Masing-masing bermusuhan. Sebagai contoh, ada orang buat konsortium, ada yang marah sebab tak dapat cukup kuota (untuk slot). Ada yang cuba jual ke seluruh dunia tapi apabila ada yang berjaya dan dapat monopoli, ada yang tidak puas hati.

"Inilah masalah dalam industri perfileman tempatan dan saya tidak nampak bagaimana caranya untuk menyegarkan industri ini kembali melainkan melalui penggabungan," katanya sebagai menjawab soalan bagaimana usaha dilakukan bagi memajukan industri perfileman tempatan.

Selain itu, katanya, filem tempatan hanya tertumpu kepada tayangan di negara ini serta pelanggannya yang agak terhad kerana Malaysia cuma mempunyai lima buah stesen televisyen.

Dr Mahathir berkata, langkah menghalang kemasukan filem asing seperti filem Hollywood atau Bollywood supaya penonton hanya menyaksikan filem tempatan saja, tidak dapat dilakukan kerana ia mungkin menyebabkan ramai yang tidak berpuas hati.

Pada dialog itu, Dr Mahathir juga ditanya mengenai cara menarik minat orang ramai melawat Angkasapuri kerana perhatian yang semakin berkurangan sejak ada saingan dengan keindahan Putrajaya.

Katanya, banyak boleh dilakukan di Angkasapuri umpamanya mengambil contoh usaha yang dilakukan Universal Studio.

"Universal Studio di California mengadakan pertunjukan mengenai teknik perfileman seperti penggunaan ikan jerung mekanikal bagi filem `Jaws'.

"Ramai pelawat sanggup membayar wang untuk menyaksikan pertunjukan seumpama itu dan Angkasapuri boleh berbuat demikian seperti menunjukkan cara-cara filem dibuat dan disiarkan," katanya.

(END)